

U 8038 AAB  
MAHATHIR - RAJIN

MELAKA, 6 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA PARA PETANI DAN NELAYAN HARUS MENGUBAH SIKAP DAN BERUSAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK MENINGKATKAN PENDAPATAN MASING-MASING SESUAI DENGAN PERUBAHAN MASA.

PERDANA MENTERI BERKATA DI NEGARA YANG SUBUR SEPERTI MALAYSIA YANG BUMINYA DIPENUHI DENGAN TUMBUHAN-TUMBUHAN MENGHIJAU TIDAK ADA SEBAB MENGAPA MEREKA MASIH MISKIN.

YANG PENTING IALAH MEREKA PERLU RAJIN BERKERJA DAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI MODEN DALAM MENJALANKAN KEGIATAN MASING-MASING, KATANYA KETIKA MERASMIKAN PERAYAAN HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN DI TAPAK EXPO, AYER KEROH, DI SINI.

KATANYA, SEMEMANGNYA AMAT MUDAH JIKA MEREKA INGIN BERJAYA KERANA KERAJAAN SENTIASA MEMBERIKAN PELBAGAI BANTUAN, TERMASUK NASIHAT DAN MODAL.

+OLEH ITU TIDAK ADA SEBAB MENGAPA MEREKA MASIH KEKAL DENGAN KEMISKINAN DI NEGARA YANG MEWAH INI+, TEGASNYA. -- LAGI  
1540MST 06 08 88

U 8039 AAB  
MAHATHIR - RAJIN 2 MELAKA

PERDANA MENTERI BERKATA: +KITA TIDAK HARUS MENJADI SEPERTI ITIK- DI AIR MATI KEHAUSAN DAN AYAM DI KEPOK MATI KELAPARAN+.

KATANYA: +JIKA SESEORANG PETANI ATAU NELAYAN ITU MENJADI MISKIN DI NEGARA YANG KAYA INI, MEREKA TIDAK BOLEH SALAHKAN NEGARA TETAPI SEBALIKNYA MEREKA HENDAKLAH MENYALAHKAN DIRI SENDIRI KERANA TIDAK MEREPUT PELUANG YANG ADA.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PADA ZAMAN SERBA MAJU INI YANG JUMLAH PENDUDUK NEGARA TELAH MENINGKAT KEPADA 16 JUTA ORANG, CARA-CARA MENDAPATKAN IKAN SECARA MEMANCING, MENTERNAK DI BAWAH RUMAH DAN MEMELIHARA SEEKOR-DUA LEMBU TIDAK SESUAI LAGI.

SEBAGAI PEMBEKAL MAKANAN KEPADA PENDUDUK SEBUAH NEGARA YANG AKAN MENCAPAI 70 JUTA ORANG PADA SUATU HARI NANTI, MEREKA PERLU MENGENDALIKAN KEGIATAN MASING-MASING SECARA PERUSAHAAN DAN BESAR-BESARAN. -- LAGI  
1542MST 06 08 88

U 8040 AAB

MAHATHIR - RAJIN 3 MELAKA

PERDANA MENTERI BERKATA JIKA PETANI DAN PELADANG INGIN MAJU MEREKA TIDAK BOLEH SEKADAR HANYA MENGUSAHAKAN TANAMAN GETAH, KELAPA SAWIT DAN KOKO, TETAPI HARUS MENCEBURI BIDANG YANG LEBIH MENGUNTUNGAN DAN MENCABAR.

SEBAGAI CONTOH PETANI DI NEGARA INI BOLEH JUGA MENGUSAHAKAN BIDANG BUNGA-BUNGAAN UNTUK DIJADIKAN MINYAK WANGI.

SETAKAT INI BELUM ADA ORANG LAGI YANG MENCEBURI BIDANG INI SECARA PERUSAHAAN DAN BESAR-BESARAN, JELASNYA.

MENGENAI BIDANG PENYELIDIKAN, BELIAU BERKATA JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN TELAH PUN BERJAYA MELAHIRKAN SEJENIS BINATANG YANG DINAMAKAN +PUYAM+ IAITU HASIL KACOKAN PUYUH DAN AYAM.

KATANYA, BELIAU SENDIRI TELAH MERASAI DAGING PUYAM DAN BERHARAP IA AKAN DIBIAKKAN DENGAN LEBIH MELUAS DI NEGARA INI. -- LAGI  
1544MST 06 08 88

U 8041 AAB

MAHATHIR - RAJIN 4 MELAKA

MENGENAI USAHA MENANGKAP IKAN DI LAUT DALAM, PERDANA MENTERI BERKATA KAWASANNYA MASIH LUAS DAN SEHINGGA INI TERLALU SEDIKIT MELAYAN YANG MENCEBURI PERUSAHAAN ITU.

SECARA BERSELURUH BELIAU BERKATA +OLEH KERANA KITA TIDAK MENANGKAPNYA, IKAN-IKAN ITU MENJADI TUA DAN MATI BEGITU SAHAJA.+

BELIAU BERKATA SETAKAT INI DARIPADA 100 ORANG MELAYAN YANG MENGIKUTI LATIHAN UNTUK MENJADI MELAYAN LAUT DALAM HANYA TUJUH YANG TINGGAL.

BELIAU BERHARAP KESEMUA TUJUH ORANG ITU AKAN KEKAL MENJADI MELAYAN LAUT DALAM.

BELIAU KEMUDIAN MENYAMPAIKAN HADIAH KEPADA PELADANG, PENTERNAK DAN MELAYAN YANG BERJAYA DAN MELAWAT GERAI-GERAI DI TAPAK EXPO ITU.

-- BERNAMA

1547MST 06 08 88